

**PUSAT PEMBENTUKAN PENDIDIKAN LANJUTAN & PROFESIONAL
CENTER FOR SHAPING ADVANCED AND PROFESSIONAL EDUCATION**

Rujukan : UKM.KPD.BPA.600-6/2/2
Tarikh : 28 April 2025

Semua Pelajar Berdaftar
Semester 2 Sesi Akademik 2024-2025

Saudara/i,

**PENGESAHAN KURSUS DAN DRAF JADUAL WAKTU PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER 2
SESI AKADEMIK 2024-2025**

Merujuk kepada perkara di atas, dimaklumkan bahawa peperiksaan akhir bagi program eksekutif Semester 2 Sesi Akademik 2024-2025 akan diadakan pada **14 Julai hingga 3 Ogos 2025**.


Sehubungan itu, saudara/i dikehendaki membuat pengesahan kursus Semester 2 Sesi Akademik 2024-2025 melalui <https://smplucee.ukm.my/smpe> mulai **19 hingga 25 Mei 2025**. Dalam paparan di SMPE akan tersenarai kursus yang saudara/i daftar pada semester ini, saudara/i perlu menekan butang SAH jika semua kursus dipaparkan adalah betul. Semua pelajar **perlu** membuat pengesahan kursus ini untuk memastikan semua kursus yang saudara/i daftarkan telah tersenarai di dalam senarai pendaftaran kursus semasa. Saudara/i yang gagal membuat pengesahan kursus dalam tempoh masa yang ditetapkan **akan dikenakan denda sebanyak RM50.00**.

Sekiranya saudara/i gagal membuat pengesahan atau pembetulan terhadap maklumat tersebut, segala butiran kursus yang direkodkan dianggap betul dan lengkap.

Draf jadual peperiksaan akhir Semester 2 Sesi Akademik 2024-2025 akan dipaparkan di laman web UKMShape bermula 19 Mei 2025. Sekiranya terdapat percanggahan jadual peperiksaan, saudara/i dikehendaki memaklumkan kepada Unit Peperiksaan dan Pengijazahan UKMShape melalui emel uppsshape@ukm.edu.my **selewat-lewatnya pada 25 Mei 2025**.

Jadual peperiksaan akhir yang muktamad akan dipaparkan dalam Kad Masuk dan Jadual Peperiksaan (KMJP) melalui SMPE mulai 16 Jun 2025.

Saudara/i dikehendaki mengambil perhatian dan tindakan sewajarnya bagi memastikan penilaian akhir kursus yang didaftarkan pada semester ini berjalan dengan lancar.



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 01100

Pusat Pembentukan Pendidikan Lanjutan & Profesional
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-89272111 E-mel: uppsshape@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/ukmshape

ILMU, MUTU DAN BUDI

www.ukm.my

Sekian, terima kasih.


Yang benar,



MAZUNA JAMALUDDIN

Penolong Pendaftar Kanan

Bahagian Pengurusan Akademik



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 01100

Pusat Pembentukan Pendidikan Lanjutan & Profesional
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-89272111 E-mel: upshape@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/ukmshape

ILMU, MUTU DAN BUDI

www.ukm.my